



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 26 MEI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 26 Mei 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **4,665 kes** (464,727 kes kumulatif, 87.1%);
- Kes baharu : **7,478 kes** (533,367 kes kumulatif);
- Kes import : **5 kes** (5 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **7,473 kes** [6,913 warganegara (92.5%); 560 bukan warganegara (7.5%)];
- Kes aktif : **66,208 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **756 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **377 kes**;
- Kes kematian : **63 kes** (2,432 kes kumulatif, 0.46%; 57 warganegara, 6 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,082 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **22 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,489 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **593 kluster**.

Sebanyak **63 kes kematian** pada hari ini yang melibatkan **24 kes** di Selangor, **sembilan (9) kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, masing-masing **lapan (8) kes** di Johor dan Kedah, **lima (5) kes** di Perak, **tiga (3) kes** di Melaka, masing-masing **dua (2) kes** di Sarawak dan Negeri Sembilan, serta masing-masing **satu (1) kes** di Sabah dan Pahang.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 1, 2, 3 dan 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **SARANAN AMALAN KAWALAN PERGERAKAN KENDIRI DAN KELUARGA BAGI MEMUTUSKAN JANGKITAN COVID-19**

KKM ingin menyeru rakyat Malaysia untuk mengamalkan Kawalan Pergerakan Kendiri dan Keluarga sebagai langkah memutuskan rantai penularan COVID-19. Ini mengambil kira situasi semasa yang semakin serius di mana COVID-19 menular di kebanyakan tempat, akibat daripada peningkatan kes-kes

sporadik dalam komuniti. Secara tidak sedar, sesiapa sahaja boleh dijangkiti atau menjangkiti individu lain.

Hakikatnya virus tidak bergerak, yang bergerak adalah manusia dan yang berhimpun juga adalah manusia. Semakin banyak pergerakan masyarakat dan kontak dengan orang lain, semakin tinggi kebarangkalian untuk virus SARS-CoV-2 merebak dan menjangkiti. Lebih-lebih lagi jika masyarakat tidak memakai pelitup muka, saling bersentuhan, tidak menjaga penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 hingga 2 meter di antara satu sama lain, bersedak-sesak di tempat yang sempit, dan tiada pengudaraan yang baik. Tindakan-tindakan seperti inilah yang perlu dielakkan semua pihak agar rantai jangkitan COVID-19 dapat diputuskan.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan untuk terus mempraktikkan Kawalan Pergerakan Kendiri dan Keluarga serta kurangkan berada di luar rumah. Antara amalan-amalan atau langkah-langkah yang boleh dilakukan adalah seperti berikut;

1. Kekal duduk di rumah dan hanya keluar apabila perlu;
2. Sekiranya perlu keluar, hanya seorang wakil bagi setiap rumah untuk sebarang urusan di luar serta sentiasa mematuhi SOP yang telah digariskan;

3. Bekerja dari rumah bagi mereka yang dibenarkan. Majikan juga diminta akur dengan keputusan Majlis Keselamatan Negara mengenai polisi Bekerja Dari Rumah;
4. Rancang pergerakan bagi mengelakkan kesesakan di tempat awam;
5. Penuhkan tangki minyak kenderaan supaya tidak perlu kerap mengisinya;
6. Elakkan daripada menyertai sebarang aktiviti berisiko yang melibatkan orang ramai;
7. Belilah barang keperluan secara atas talian atau secara pukal bagi kegunaan seisi rumah;
8. Buat temujanji sebelum berjumpa dengan doktor;
9. Masak makanan sendiri yang lebih berkhasiat;
10. Kekal sihat dengan mengamalkan pelbagai aktiviti senaman di dalam kawasan rumah sendiri;
11. Amalkan prinsip tidak menerima tetamu di rumah untuk tempoh ini. Sebaliknya, optimalkan penggunaan teknologi komunikasi untuk kekal berhubung dengan ahli keluarga dan rakan;
12. Beribadahlah di rumah bersama ahli keluarga atau isi rumah masing-masing;

Rutin di atas adalah sesuatu yang tidak asing bagi penduduk Malaysia. Kita pernah membuktikan bahawa Malaysia mampu mengawal pandemik COVID-19 dengan mencatatkan sifar kes

harian pada gelombang kedua. Kita haruslah terus konsisten mematuhi SOP yang telah digariskan dan berusaha mengamalkan langkah-langkah Kawalan Pergerakan Kendiri dan Keluarga.

Kita mungkin belum menang, tetapi kita belum kalah. Tanggungjawab kini di atas bahu kita semua untuk menjaga diri kita, keluarga kita, masyarakat kita dan negara kita.

### **SAMBUTAN HARI WESAK 2021**

KKM ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Wesak kepada semua penganut agama Buddha di Malaysia. Semoga kemeriahan sambutan masih dapat dikongsi bersama seisi keluarga di rumah meskipun perlu menyambutnya dalam suasana mencabar pada ketika ini.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

**Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).

**Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

26 Mei 2021 @ 6.30 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 26 MEI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	2,455 (2)	174,775
<b>SABAH</b>	229	61,057
<b>JOHOR</b>	587	55,682
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	760	55,471
<b>SARAWAK</b>	640 (3)	43,966
<b>PULAU PINANG</b>	420	26,919
<b>KELANTAN</b>	547	23,969
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	370	23,813
<b>PERAK</b>	264	19,262
<b>KEDAH</b>	542	16,570
<b>MELAKA</b>	230	10,578
<b>PAHANG</b>	171	8,411
<b>TERENGGANU</b>	177	7,675
<b>WP LABUAN</b>	49	2,994
<b>WP PUTRAJAYA</b>	29	1,766
<b>PERLIS</b>	8	459
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>7,478 (5)</b>	<b>533.367</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

## LAMPIRAN 2

Ringkasan 63 kes kematian pada 26 Mei 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
2370	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	78	Hospital Sungai Buloh	-
2371	Selangor	Perempuan (WN)	73	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi
2372	Pahang	Lelaki (WN)	70	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan jantung
2373	Selangor	Lelaki (WN)	53	Hospital Serdang	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
2374	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	85	Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban	Penyakit darah tinggi
2375	Selangor	Lelaki (WN)	69	Hospital Serdang	-
2376	Selangor	Perempuan (WN)	65	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Penyakit kencing manis dan dislipidemia
2377	Selangor	Perempuan (WN)	42	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, <i>Systemic Lupus Erythematosus</i> , buah pinggang kronik, dan paru-paru kronik
2378	Sarawak	Lelaki (WN)	66	Hospital Bintulu	Penyakit kencing manis, buah pinggang kronik, jantung, dan hati
2379	Kedah	Perempuan (WN)	55	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
2380	Johor	Lelaki (WN)	61	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Penyakit darah tinggi
2381	Perak	Perempuan (WN)	67	Hospital Seri Manjung	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan dislipidemia



No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
2382	Kedah	Lelaki (WN)	70	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit strok
2383	Selangor	Lelaki (WN)	82	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan dislipidemia
2384	Perak	Lelaki (WN)	72	Hospital Taiping	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan dislipidemia
2385	Kedah	Lelaki (WN)	42	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	-
2386	Kedah	Perempuan (WN)	50	Hospital Kulim	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan obesiti
2387	Johor	Perempuan (WN)	64	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Penyakit kencing manis, darah tinggi, obesiti, dan dislipidemia
2388	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	68	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis dan <i>hyperthyroid</i>
2389	Perak	Lelaki (WN)	71	Hospital Taiping	-
2390	Kedah	Perempuan (WN)	82	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2391	Johor	Lelaki (WN)	64	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan dislipidemia
2392	Selangor	Lelaki (WN)	79	Hospital Selayang	Penyakit darah tinggi, jantung, hati, strok, dan dislipidemia
2393	Selangor	Lelaki (WN)	74	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2394	Selangor	Lelaki (WN)	58	Hospital Selayang	Penyakit darah tinggi, buah pinggang kronik, hati, dan paru-paru obstruktif kronik

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
2395	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	66	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Penyakit kencing manis, hati, jantung, dan buah pinggang kronik
2396	Kedah	Perempuan (WN)	34	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit kencing manis
2397	Perak	Lelaki (WN)	81	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2398	Kedah	Perempuan (WN)	67	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
2399	Johor	Perempuan (WN)	38	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	-
2400	Selangor	Perempuan (WN)	51	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	-
2401	Selangor	Lelaki (WN)	73	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan strok
2402	Selangor	Lelaki (WN)	42	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Penyakit darah tinggi dan obesiti
2403	Perak	Lelaki (WN)	70	Hospital Taiping	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok
2404	Kedah	Lelaki (WN)	74	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit darah tinggi, jantung, kanser buah pinggang, dan <i>gastroduodenitis</i>
2405	Selangor	Perempuan (WN)	94	Hospital Ampang	-
2406	Selangor	Lelaki (WN)	85	Hospital Kajang	Penyakit buah pinggang kronik
2407	Selangor	Perempuan (WN)	77	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
2408	Selangor	Lelaki (WN)	72	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2409	Selangor	Perempuan (WN)	55	Hospital Selayang	Penyakit kencing manis, buah pinggang kronik, strok, dan darah tinggi
2410	Selangor	Perempuan (WN)	30	Hospital Kajang	Obesiti
2411	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Selayang	Kanser <i>neuroendocrine</i>
2412	Selangor	Perempuan (WN)	75	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	Penyakit saraf
2413	Selangor	Perempuan (WN)	68	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	Penyakit darah tinggi
2414	Johor	Lelaki (WN)	65	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Penyakit darah tinggi dan jantung
2415	Johor	Lelaki (WN)	49	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	-
2416	Johor	Lelaki (WN)	56	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Penyakit kencing manis, darah tinggi, gout, dan <i>hyperparathyroid</i>
2417	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	20	Hospital Sungai Buloh	-
2418	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	82	Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
2419	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	80	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok
2420	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	78	Hospital Kuala Lumpur	-
2421	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	62	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
2422	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	58	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang kronik, dan dislipidemia
2423	Sarawak	Perempuan (WN)	71	Hospital Miri	Penyakit jantung dan asma
2424	Melaka	Perempuan (WN)	76	Hospital Melaka	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2425	Melaka	Lelaki (WN)	65	Jenazah dibawa ke Hospital Melaka	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
2426	Melaka	Lelaki (WN)	73	Hospital Melaka	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
2427	Selangor	Perempuan (BWN)	67	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Penyakit dislipidemia
2428	Selangor	Lelaki (BWN)	56	Hospital Ampang	Penyakit kencing manis dan jantung
2429	Selangor	Perempuan (BWN)	25	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Obesiti dan <i>Obstructive Sleep Apnea</i>
2430	Sabah	Perempuan (BWN)	35	Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, Likas	-
2431	Johor	Perempuan (BWN)	58	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	-
2432	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	62	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

### LAMPIRAN 3

Perincian 7,478 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 26 Mei 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	2,455	68	1,812	2	573
WP KUALA LUMPUR	760	58	456	-	246
SARAWAK	640	88	448	3	101
JOHOR	587	116	333	-	138
KELANTAN	547	85	306	-	156
KEDAH	542	36	338	-	168
PULAU PINANG	420	137	194	-	89
NEGERI SEMBILAN	370	59	227	-	84
PERAK	264	42	140	-	82
MELAKA	230	80	115	-	35
SABAH	229	60	105	-	64
TERENGGANU	177	23	117	-	37
PAHANG	171	96	58	-	17
WP LABUAN	49	24	15	-	10
WP PUTRAJAYA	29	-	24	-	5
PERLIS	8	-	7	-	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>7,478</b>	<b>972</b>	<b>4,695</b>	<b>5</b>	<b>1,806</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

## LAMPIRAN 4

### KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA PADA 26 MEI 2021

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah Disaring
1	Kampung Tun Abdul Razak	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor	9	155
2	Jalan Bersatu	Tempat Kerja	Selangor	Klang	11	15
3	Meranti Jaya 2	Tempat Kerja	Selangor	Sepang dan Petaling	23	52
4	Jalan Sukma	Tempat Kerja	Sarawak	Kuching dan Samarahan	10	78
5	Jalan Bukit Satu	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	7	53
6	Jalan Satu Ayer Hitam	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat dan Kluang	13	153
7	Jalan Tengar Industri	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	8	117
8	Jalan Temenggung Dua	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	27	167
9	Industri Zon Dagang Satu	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan, Barat Daya, dan Timur Laut	79	3,350
10	Perusahaan Maju Sepuluh	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, dan Seberang Perai Selatan	25	46
11	Jalan Cassia Selatan Lima	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan dan Timur Laut	39	236

12	Jalan IKA	Tempat Kerja	Perak	Larut, Matang dan Selama dan Kuala Kangsar	37	90
13	Industri Kampung Tersang	Tempat Kerja	Pahang	Raub	15	124
14	Kampung Semerah Padi	Komuniti	Sarawak	Kuching dan Asajaya	21	103
15	Bandar Lama Machang	Komuniti	Kelantan	Machang	8	42
16	Kampung Kenjong	Komuniti	Kelantan	Pasir Mas	13	33
17	Sungai Pukul	Komuniti	Sabah	Tawau	18	73
18	Delima Raya	Komuniti	Pahang	Bentong	36	49
19	Kauran Durok	Komuniti	Sabah	Keningau	12	31
20	Lestari Mewah	Keagamaan	Selangor	Sepang dan Hulu Langat	11	49
21	Jalan Harmoni Utama	Keagamaan	Johor	Johor Bahru	19	86
22	Chat Lipis	Keagamaan	Pahang	Lipis	21	170